



**UNIVERSITI
MALAYA**

PUSAT PERUBATAN UM

Anda dinasihati supaya;

Hadir sekurang-kurangnya 45 minit lebih awal di kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan dari masa janjitemu anda untuk tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur

Sekiranya anda didapati terlewat dari masa yang diberikan, pemeriksaan pengimejan anda tidak akan dijalankan dan ditunda ke tarikh yang lain.

Hadir lebih awal dari masa janjitemu untuk mengelakkan masalah kesesakan lalulintas dan mendapatkan tempat letak kereta di PPUM.

**JABATAN
PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN
*INTRAVENA UROGRAFI
(IVU)***

JANJITEMU:

NAMA:.....

NO R/N:.....

TARIKH:,.....

MASA:..... PAGI/PETANG

TARIKH AKHIR HAID:.....

JANJITEMU DIBERI OLEH:.....

NOTA PENTING!!!!

Sila lihat di mukasurat belakang brosur

Jika anda tidak dapat hadir, sila hubungi kami:

Tel: 03-79493523 /2526 (kaunter janjitemu)

Sila simpan nombor-nombor kaunter janjitemu Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan di dalam telefon bimbit anda sebagai rujukan sekiranya terdapat pindaan pada tarikh janjitemu dari pihak PPUM (03-7949 4411/ 4444/4455/ 4477/ 4488/ 4499).

.

Pemeriksaan IVU

1. Apakah itu pemeriksaan IVU?

IVU adalah prosedur yang menggunakan sinar-x dengan penggunaan agen kontras media bagi mengkaji serta melihat abnormaliti sistem pundi kencing.

2. Berapa lamakah masa pemeriksaan IVU?

Ia memakan masa antara 45 minit hingga 1 jam, jika terdapat sebarang abnormaliti masa pemeriksaan boleh berlanjutan sehingga ke 4 jam.

3. Adakah terdapat sebarang risiko terhadap pemeriksaan IVU?

IVU adalah pemeriksaan yang selamat dan kerap kali dijalankan. Risikonya adalah alahan pada agen kontras media sahaja. Jika anda mempunyai alahan pada iodine dan mempunyai alahan pada agen kontras media, anda haruslah memberitahu kepada pegawai yang memberi temujanji, Juru X-ray ataupun Pegawai Perubatan.

4. Adakah saya perlu berpuasa sebelum pemeriksaan?

YA, Arahan akan diberikan oleh Juru X-ray atau Pegawai Tadbir (P/O) semasa janji temu.

Persediaan Pesakit Sebelum Pemeriksaan IVU (PENTING!!!)

- Arahan untuk berpuasa akan diberikan oleh Juru X-ray dan Pembantu Tadbir (P/O) janji temu. Anda harus berpuasa 6 jam sebelum pemeriksaan dan membuang air kecil semasa pemeriksaan.
- Anda hendaklah mengikuti pemakanan yang disyorkan selama 2 hari sebelum pemeriksaan. (sila lihat dimuka surat sebelah)
- Makan 2 biji 'dulcolax' (julap) 2 malam berturut-turut sebelum hari pemeriksaan. Ubat 'dulcolax' akan dibekalkan di kaunter janji temu oleh staf kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan.
- Jika penetapan janji temu di waktu pagi, anda diminta untuk tidak mengambil sarapan pagi, jika penetapan janji temuu di waktu petang, sarapan pagi yang ringan dibenarkan dan selepas itu anda dikehendaki berpuasa.

- Pakar Radiologi hendaklah diberitahu jika anda menghidap penyakit lelah/ asma dan alahan terhadap ubatan dan makanan laut. Anda akan dilindungi dengan ubat 'steroid' (preskripsi akan diberikan).
- Pemeriksaan bagi wanita hendaklah dilakukan 7-10 hari dari tarikh pertama haid melainkan wanita itu telah putus haid/ ('menopause') atau mengambil pil pencegah kehamilan untuk memastikan anda tidak hamil. Harus memberitahu Pakar Radiologi jika pesakit mempunyai sebarang keabnormalan atau masalah pada buah pinggang.

Pesakit dari wad:

- Keputusan terakhir 'urea' dan 'creatinine' mestilah dimaklumkan kepada Pakar Radiologi.
- 'Dulcolax suppository' hendaklah dimakan 3 jam sebelum pemeriksaan.
- Harus memberitahu Pakar Radiologi jika pesakit mempunyai sebarang keabnormalan atau masalah pada buah pinggang.

Pemakanan yang disyorkan- rendah sisa (low residue diet):

Sarapan pagi - Telur rebus dan sekeping roti putih dengan milo, ovaltine, teh, kopi- tanpa susu.

Tengahari / Malam - Ayam kukus (tidak mengandungi minyak) nasi putih/ roti puti/ sup tanpa minyak.

Pada malam sebelum pemeriksaan - air kosong sahaja dibenarkan. Digalakkan minum banyak air kosong.